

# Malaysia rai pingat sulung Olimpik Rio



Pasangan penerjun negara, Pandelega Rinong Pamg (kanan) dan Cheong Jun Hoong menunjukkan pingat perak acara 10m platform serentak wanita yang diraih di Pusat Aquatik Maria Lenk, Rio de Janeiro, awal pagi semalam. Ms.3, 48/49

BERITA HARIAN 11/8/2016 p-1



Aksi Pandelega (kiri) dan Jun Hoong pada acara 10m platform seirama wanita di Pusat Aquatik Maria Lenk, semalam.

## Kebanggaan negara

BERITA HARIAN  
11/8/2016 p-5

➔ Kejayaan Pandelega Rinong-Cheong Jun Hoong memenangi pingat pertama kontinjen negara di Sukan Olimpik Rio 2016, semalam dengan meraih perak dalam acara 10 meter platform seirama wanita sebagai satu permulaan bagi memburu lebih banyak pingat pada temasya itu. Ms.48/49



# → OLIMPIK Rio2016

# → OLIMPIK Rio2016



**Hussain Said**  
hussain@bh.com.my



**Rosli Rahmat**  
Jurugambar

**Info**

**Kutipan mata**

**Chen Ruolin-Liu Huixia (China/Emas)**  
Terjunan 1 → 55.80 mata  
Terjunan 2 → 55.80  
Terjunan 3 → 79.20  
Terjunan 4 → 75.84  
Terjunan 5 → 87.36  
Jumlah: 354.00

**Pandelela-Jun Hoong (Malaysia/Perak)**  
Terjunan 1 → 52.80 mata  
Terjunan 2 → 52.80  
Terjunan 3 → 76.50  
Terjunan 4 → 79.68  
Terjunan 5 → 82.56  
Jumlah: 344.34

**Meaghan Benfeito-Roseline Filion (Kanada/Gangsa)**  
Terjunan 1 → 52.80 mata  
Terjunan 2 → 52.80  
Terjunan 3 → 74.70  
Terjunan 4 → 75.24  
Terjunan 5 → 80.64  
Jumlah: 336.18



**Cheong Jun Hoong (kiri), Pandelela Rinong** peraga pingat perak bersama pemenang emas, Liu Huixia (tiga dari kiri) dan Chen Ruolin dari China serta pemenang gangsa, Meaghan Benfeito, Roseline Filion dari Kanada.

## Pingat pembakar semangat

Tepat jam 4.04 pagi waktu Malaysia semalam, pasangan **Pandelela Rinong-Cheong Jun Hoong** memenangi pingat pertama kontinjen negara di Sukan Olimpik Rio 2016 dengan meraih perak dalam acara 10 meter platform seirama wanita. Ia juga pingat kedua yang diraih sukan terjun di Olimpik selepas Pandelela memenangi gangsa di London 2012. **Ikuti temubual wartawan BH, Hussain Said bersama pasangan yang mengharumkan nama negara itu.**

**Soalan (S): Tahnia kerana memenangi pingat perak yang juga kedua di Olimpik. Apa perasaan Pandelela?**  
**P (Pandelela):** Saya sangat gembira kerana dapat menang pingat Olimpik yang kedua, lebih-lebih lagi pingat perak bersama pasangan saya, Cheong Jun Hoong. Kami rasa sangat gembira.

**S: Ketika terjunan ketiga, pasangan Korea Utara berjaya menolak anda dari kedudukan kedua kepada ketiga. Namun anda bangkit merampas kedudukan itu di terjunan keempat dengan perbezaan mata yang sedikit sebelum menuju ke terjunan kelima dan terakhir. Apakah yang bermain di fikiran anda ketika itu?**  
**P:** Kami hanya fokus kepada terjunan dan kami tidak menoleh ke papan markah sangat. Kami hanya perlu lakukan apa yang kami patut lakukan seperti yang dipelajari ketika latihan. Ternyata ia berhasil apabila kami berjaya melakukan terjunan baik untuk mengekalkan kedudukan di tempat kedua.

**S: Bagaimana anda menyokong satu sama lain di sebalik kejayaan ini?**  
**P:** Sebelum ini kami sudah tahu saingan pasti sangat sengit. Jadi, masa latihan kami sangat fokus dengan menjadikan latihan seperti pertandingan dan apabila tiba hari pertandingan kami akan buat seperti latihan.

**S: Adakah Pandelela bimbang kecederaan akan mengganggu ketika melakukan terjunan?**  
**P:** Memang kecederaan banyak menghantui saya, lebih-lebih lagi sebelum Olimpik, saya belum pulih sepenuhnya tapi saya rasa sangat gembira kerana tetap mampu memberikan persembahan terbaik walaupun latihan saya banyak terganggu.

**S: Kejayaan mana yang paling manis dan bermakna, pingat perak di Rio 2016 atau gangsa di London 2012?**  
**P:** Walaupun saya menang pingat pertama Olimpik di London 2012 tapi saya anggap pingat perak yang dimenangi di Rio 2016 lebih bermakna bagi saya. Ini kerana saya berjaya memperbaiki prestasi

saya dan menukar warnanya.

**S: Berapa lama sudah menjalani latihan bersama Jun Hoong untuk menghadapi Rio 2016?**  
**P:** Kami sudah menjalani latihan bersama sejak dua tahun lalu. Tapi bukan selalu sangat. Ia mengikut perancangan jurulatih dan kejohanan yang disertai. Sebelum ini saya berlatih bersama Leong Mun Yee dan Jun Hoong juga ada berlatih bersama.

**S: Berapa kejohanan yang sudah disertai Pandelela bersama Jun Hoong?**  
**P:** Ini kali ketiga dan kami pernah memenangi perak di sini dalam sikit Piala Dunia tahun ini. Tak sangka kami berjaya mengulanginya di sini dan lebih manis dalam temasya Olimpik.

**S: Bagaimana hubungan Pandelela dengan Jun Hoong, adakah tinggal bersama?**  
**P:** Ya, sekarang asrama Casa 3 di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil tengah diubahsuai. Jadi, kami pindah ke Casa 1 dan di situ ada enam katil. Kami tinggal bersama



dengan rakan lain.

**S: Apa perasaan Jun Hoong selepas menang perak. Sebelum ini anda terlepas memenangi gangsa gara-gara kesilapan sendiri ketika bertanding dalam 3 meter papan anjal bersama Nur Dhabitah Sabri?**  
**J (Jun Hoong):** Sudah tentu saya sangat gembira kerana pingat ini menebus kesilapan dan kekecewaan saya dalam 3 meter papan anjal. Lagipun, ini pingat pertama saya di Olimpik. Prestasi turun naik adalah perkara biasa dalam pertandingan. Saya sudah melupakan kesilapan itu dan hanya pandang ke depan. Setiap hari adalah satu hari yang baru dan saya hanya fikir positif mengenainya.

**S: Kepada siapakah Jun Hoong dedikasi pingat pertama yang dimenangi di Olimpik ini?**  
**J:** Kepada Tuhan. Terima kasih kepada keluarga, jurulatih dan seluruh rakyat Malaysia yang berdoa dan menyokong kami. Kami harap kejayaan kami menjadi pembakar semangat kepada atlet lain.



Tiga aksi menarik sebelum Pandelela-Jun Hoong raih perak.

**Fakta nombor** **23** TAHUN umur Pandelela

**26** TAHUN umur Cheong Jun Hoong

## Pandelela, Jun Hoong hanya terima RM150,000 seorang

**Rio De Janeiro:** Pandelela Rinong dan Cheong Jun Hoong tidak akan menerima insentif RM300,000 seorang susulan kejayaan mereka mengharumkan nama Malaysia dengan memenangi pingat perak dalam acara terjun 10 meter platform seirama wanita di Sukan Olimpik Rio 2016, semalam.

Sebaliknya, kedua-dua penerjun itu hanya akan berkongsi insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) itu dengan masing-masing akan hanya menerima RM150,000 seorang berdasarkan peraturan mereka bertanding dalam kategori berpasukan dan bukannya individu.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail bagaimanapun menegaskan Pandelela dan Jun Hoong tetap akan menerima pencen RM3,000 sebulan setiap seorang yang akan berkuat kuasa serta merta.

**Melakar sejarah**  
"Dalam kes Pandelela yang sudah menerima pencen RM2,000 sebulan selepas memenangi gangsa di Sukan Olimpik London 2012,

penerjun itu tidak akan menerima pencen berganda.  
"Sebaliknya, pencen yang akan diterimanya mengikut medal tertinggi yang dimenangnya dan ini bermakna berkuat kuasa serta merta dia akan mendapat pencen RM3,000 berbanding RM2,000 sebulan sebelum ini," katanya semalam.

Berdasarkan insentif terbaru SHAKAM, atlet negara yang memenangi emas di Olimpik akan menerima ganjaran RM1+ juta selain pencen RM5,000 sebulan, perak (RM300,000/RM3,000) dan gangsa (RM100,000/RM2,000).

Pandelela-Jun Hoong mencipta bangga apabila memenangi perak-pingat pertama kontinjen negara di Rio 2016 dan kedua dalam acara terjun selepas Pandelela melakar sejarah meraih gangsa di London 2012.

"Kejayaan Pandelela dan Jun Hoong semanganya membanggakan sekali gus meletakkan mereka kini sebaris penerjun elit dunia. Kita akan memperkasakan lagi program terjun bagi memastikan kita memiliki pelapis berbilang," kata Ahmad Shapawi.

**Info**  
Pasukan lebih lima orang  
Pingat emas → RM150,000/individu  
Pingat perak → RM40,000/individu  
Pingat gangsa → RM20,000/individu

**Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) Kategori kejohanan sukan temasya (Kumpulan A1 iaitu Sukan Olimpik)**

**Individu**  
Pingat emas → RM1 juta  
Pingat perak → RM300,000  
Pingat gangsa → RM100,000

**Pasukan kurang lima orang**  
Pingat emas → RM1 juta/pasukan  
Pingat perak → RM300,000/pasukan  
Pingat gangsa → Lebih daripada RM100,000/pasukan

**Nilai insentif bagi pemenang yang mencipta rekod baru di kejohanan sukan Kumpulan A1:**

Pingat emas individu → RM20,000  
Pingat emas berpasukan kurang lima orang → RM20,000/pasukan  
Pingat emas berpasukan lebih lima orang → RM4,000/individu

2. Skim Imbuhan Tetap Olimpik (SITO)  
Diberikan kepada pemenang-pemenang pingat di Sukan Olimpik secara bulanan untuk sepanjang hayat

Pingat emas → RM5,000  
Pingat perak → RM3,000  
Pingat gangsa → RM2,000